SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2024 Sejarah Semester 1 Kelantan (Set 1 dan Set 2)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SOALAN SEJARAH 1 SET 1

Sulit

Jawab **4** soalan sahaja

1. Huraikan ciri-ciri masyarakat maritim di Portugal pada abad ke-15 dan 16 Masihi.
[20 markah]

2. Bincangkan peranan pembesar di China pada abad ke-16 hingga abad ke-20 Masihi.
[20 markah]

3. Jelaskan faktor-faktor yang mendorong kepada perkembangan perindustrian di Jerman pada abad ke-19. **[20 markah]**

4. Huraikan perkembangan sistem pendidikan di Perancis pada abad ke-19 Masihi.
[20 markah]

5. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan tercetusnya peristiwa Dahagi pada tahun 1857 di India. **[20 markah]**

6. Bincangkan kesan-kesan Perang Dingin pada abad ke-20. **[20 markah]**

SOALAN TAMAT.

SOALAN SEJARAH 1 SET 2

Sulit

Jawab **4** soalan sahaja

1. Bincangkan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat agrarian di China dalam teknologi pertanian di China pada abad ke-16 Masihi hingga abad ke-17 Masehi.
[20 markah]

2. Huraikan ciri ciri negara kesatuan yang diamalkan di Peranchis .
[20 markah]

3. Bincangkan kesan-kesan Revolusi Industri di England pada abad ke-19.
[20 markah]

4. Jelaskan sumbangan Adam Smith terhadap perkembangan intelektual di Eropah pada abad ke 19**.** **[20 markah]**

5. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan tercetusnya Pemberontakan Boxer pada tahun 1899. **[20 markah]**

6. Huraikan sumbangan Komanwel kepada negara negara anggotanya pada abad ke- 20**.**
[20 markah]

SOALAN TAMAT

SKEMA SEJARAH 1 SET 1

1. Huraikan ciri ciri masyarakat maritim di Portugal pada abad ke-15 dan 16 Masihi.

[20 markah]

A.PENDAHULUAN

- Latar belakang masyarakat maritim di Portugal
- Apa apa yang berkaitan dengan tajuk soalan.

B.ISI [CIRI-CIRI MASYARAKAT MARITIM]

1. KEGIATAN EKONOMI

- Berasaskan kelautan- perdagangan di pelabuhan, melancarkan perdagangan ke Timur untuk mencari rempah, sutera, permata, hasil hutan, tembikar dll.
- Menangkap ikan dan hasil lautan
- Membina dan membaiki kapal
- Kesannya: Ekonomi Portugal menjadi stabil dan berjaya menjadi kuasa terkuat di Eropah selama hampir seratus tahun.

2. PENEMPATAN

- Pesisir pantai, lembah sungai dan kepulauan.
- Memudahkan menjalankan kegiatan berekonomi di samping tanah yang rata
- Terdapat juga penempatan berdekatan dengan pelabuhan seperti Pelabuhan Lisbon dan Atwep kerana ia adalah pusat pengumpulan dan pengedaran barangan yang menyediakan peluang pekerjaan.

3. MAHIR DALAM TEKNOLOGI PERKAPALAN

- Membina kapal yang besar dan kukuh seperti kapal Caravel yang berteknologi tinggi, kukuh, besar dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta boleh belayar dalam jarak yang jauh
- Membolehkan bangsa Portugis menjalankan aktiviti penjelajahan dan penerokaan.

4. MAHIR DALAM TEKNOLOGI PELAYARAN

- Mampu mencipta alat bantu dalam aktiviti pelayaran seperti kompas megnetik, astrolabe, carta pelayaran dan sebagainya.
- Terdapat sekolah pelayaran yang didirikan oleh Putera Henry di Sagres yang bertujuan untuk melahirkan pelayar yang berwibawa.
- Ini menyebabkan bangsa Portugis mahir dalam ilmu nautika untuk menjelajah ke luar benua Eropah.

5. AKTIF DALAM AKTIVITI PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN

- Terlibat dalam aktiviti penjelajahan untuk mencari jalan perdaganngan di Timur.
- Bartholemew Diaz sampai ke Tanjung Pengharapan pada tahun 1487 dengan 80 buah kapal dan 180 orang kelasi.
- Di sambung pula oleh Vasco da Gama hingga ke Asia Jauh bersama tentera dan senjata.
- Ini menyebabkan mereka telah berjaya membuka koloni di sepanjang jalan perdagangan seperti Hormuz, Goa , Melaka, Kepulauan Maluku, Cylon hingga ke Macau.

3. JELASKAN FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG KEPADA PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DI JERMAN PADA ABAD KE-19 MASIHI. [20M]

A.PENGENALAN

- Revolusi Perindustrian tahap kedua di Eropah bermula di Jerman. Ciri utama RI tahap kedua ialah kapital kewangan mengatasi kapital industri
- Antara ciri kapital kewangan adalah seperti dominasi industri melalui pelaburan bank dan syarikat insurans, pengumpulan modal yang besar, pengasingan pemilikan daripada pengurusan dan perkembangan syarikat holdings.
- Teknologi yang digunakan dalam tahap kedua terdiri daripada pelbagai bahan, sumber dan bentuk
- Pada zaman ini muncul industri baharu seperti elektrik, kimia, petroleum dan logam ringan
- Menjelang abad ke-19, ahli kimia dan metalurgi Jerman mencipta teknologi baharu untuk menghasilkan barangan daripada arang batu dan besi.

B.ISI-ISI

1) **Penyatuan Jerman**
   - Penyatuan Jerman telah meletakkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman
   - Selepas penyatuan, Jerman muncul sebagai sebuah negara perindustrian yang unggul di Eropah.
   - Penyatuan Jerman telah menyebabkan wujud keseragaman dalam mata wang, sistem percukaian, sistem timbangan dan perundangan
   - Di samping itu, sistem pengangkutan dan komunikasi seperti jaringan kereta api, jalan raya, telegraf dan pos dapat dimajukan
   - Perpaduan politik yang muncul selepas penyatuan juga turut merangsang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman
   - Kerajaan pusat menjalankan dasar kebangsaan yang komprehensif bagi membangunkan sektor perindustrian
2) **Kemajuan dalam Penyelidikan**
   - Kemajuan dalam bidang penyelidikan merangsang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman
   - Makmal penyelidikan telah ditubuhkan oleh syarikat kimia dan eletrik di Jerman
   - Ahli-ahli kimia dan fizik yang terlatih terdiri daripada universiti menjalankan kajian

dan penyelidikan di makmal tersebut

- Perkembangan ini telah menyebabkan Jerman berjaya mencipta pelbagai peralatan dan inovasi baharu.
- Beberapa buah syarikat dan perbadanan telah menghasilkan teknik baharu dengan menjalinkan teori penyelidikan dengan amalan kerja harian di kilang
- Perkembangan ini telah menyebabkan Jerman muncul sebagai pemimpin dunia dalam industri kimia dan elektrik pada akhir abad ke-19

3) Kekayaan bahan mentah

a. Perkembangan sektor perindustrian di Jerman juga disebabkan oleh kekayaan sumber bahan mentah
b. Antara sumber bahan mentah yang terdapat di Jerman ialah arang batu, bijih besi dan bijih timah
c. Kawasan perlombongan arang batu dan bijih besi yang terkenal ialah Lembah Ruhr, Lorainne dan Silesia. Sumber galian ini merupakan sumber utama dalam menggerakkan sektor perindustrian di Jerman
d. Pada tahun 1875, Jerman mengeluarkan 25 juta tan arang batu dan pengeluaran bahan galian ini meningkat kepada 287 juta tan pada tahun berikutnya
e. Pada tahun 1872, Jerman telah mengeksport bekalan bijih besi bernilai 1.92 juta tan ke negara Eropah
f. Di samping itu, bahan kimia seperti garam kalium ditemui dalam kuantiti yang besar di Jerman. Menjelang tahun 1871, Jerman menghasilkan 375 000 tan garam kalium.
g. Antara tahun 1863 hingga 1865, seramai 120 000 orang bekerja dalam industri perlombongan

4) Penghapusan sistem Guild

- Sistem ini memerlukan seseorang yang ingin terlibat dalam bidang industri perlu mempunyai pengalaman dalam guild selama beberapa tahun.
- Ia merupakan syarat wajib. Sistem ini menjadi penghalang kepada perkembangan perindustrian di Jerman. Contohnya, pada tahun 1811, kerajaan bertindak menghapuskan monopoli dan keistimewaan guild melalui Peraturan 1811.
- Ini menyebabkan ramai yang melibatkan diri dalam sector industri di Jerman. Tuntasnya, penghapusan ini telah menjadi asas bagi kemunculan masyarakat industri di Jerman.

5) Kemunculan bank

- Kemunculan institusi perbankan menjadi faktor yang besar dalam perkembangan sektor perindustrian di Jerman. Hal ini disebabkan kerajaan menyediakan pinjaman jangka panjang bagi meransang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Menjelang pertengahan abad ke-19 Joint Stock Bank ditubuhkan di Jerman dengan memberi bantuan modal kepada pengusaha-pengusaha industri.
- Bank-bank ini berperanan menggalakkan penggabungan perniagaan, memberi bantuan modal kepada pengusaha industri, menggalakkan pertumbuhan industri perlombongan,

-Sistem Pendidikan menjadi teratur selepas undang-undang imperial diperkenalkan oleh Napoleon. Undang-undang ini menyebabkan semua institusi pendidikan disatukan di bawah pentadbiran Universiti Paris.
-Dasar Pendidikan bercorak kebangsaan telah melahirkan sistem pendidikan yang unggul di Perancis yang dijadikan model oleh negara-negara lain.

B.ISI-ISI PENTING

1. Dasar Pendidikan

-Pada abad ke-18 dan 19, dasar pendidikan di Perancis telah mengalami perubahan dan perkembangan mengikut idealogi golongan pemerintah. Pada akhir abad ke-19 M, muncul sistem pendidikan popular di Perancis akibat berlakunya perkembangan idea demokrasi .
-Napoleon memperkenalkan sistem pendidikan yang seragam dan menyeluruh di Perancis. Beliau menyatukan institusi pendidikan di bawah sebuah badan induk yang dikenali sebagai Universiti Perancis.
-Selepas Revolusi 1830, pendidikan dibebaskan daripada cengkaman gereja dan diletakkan di bawah penguasaan Kerajaan.
-Menjelang tahun 1882, undang-undang yang mewajibkan pendidikan kepada semua kanak-kanak diperkenalkan. Kerajaan Perancis juga memperkenalkan pendidikan percuma kepada kanak-kanak di Perancis.
-Perkembangan ini meletakkan asas bagi kelahiran sistem pendidikan kebangsaan yang seragam di seluruh Perancis.
-Beberapa langkah telah diambil untuk memantapkan sistem pendidikan popular di Perancis seperti mendirikan sekolah-sekolah di setiap daerah, mendirikan bangunan sekolah di seluruh Perancis, menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara saintifik dan menubuhkan sekolah latihan perguruan.

2 Institusi Pendidikan

-Semasa pemerintahan Napoleon, sistem pendidikan disatukan di bawah satu badan yang dikenali sebagai Universiti Perancis.
-Institusi pendidikan terdiri daripada sekolah rendah, sekolah menengah seperti *Lyceum* dan kolej awam, sekolah tinggi, sekolah Teknik dan universiti..
-Sekolah rendah di Perancis ditadbir dan diuruskan oleh komuniti masing-masing.
-Dasar Pendidikan di peringkat menengah terletak di bawah bidang kuasa pengarah Pendidikan.
-Pentadbiran sekolah menengah akan dikendalikan oleh ketua pentadbir, penyelia dan pesuruhjaya.
-Pentadbiran peringkat universiti diterajui oleh ketua pentadbir dengan bantuan majlis universiti.

3 Latihan Perguruan

-Pada tahun 1808, Napoleon menubuhkan pusat Latihan guru yang dikenali sebagai ‘Superior Normal School’.

-Pusat Latihan ini melatih bakal guru daripada kalangan pelajar lepasan *Lyceum*.
- Menjelang tahun 1810, seramai 37 orang guru pelatih mendapat latihan di sekolah atihan ini.
-Guru-guru pelatih akan menerima latihan perguruan di pusat latihan ini selama dua tahun.
-Tempoh pengajian di sekolah Latihan perguruan ditambah kepada 3 tahun pada tahun 1815.
Pada tahun ketiga, pelajar-pelajar akan mempelajari kaedah dan menjalani Latihan praktikal.

4 Bantuan Kewangan

-Kerajaan turut memberi bantuan kewangan untuk membangunkan sistem pendidikan.
-Pada tahun 1816, peruntukan sebanyak 50,000 Franks diberikan untuk proses menyediakan buku sekolah dan insentif kepada guru sekolah rendah.
-Pada tahun 1817, peruntukan sebanyak 812,000 Franks diberikan untuk menguruskan 36 sekolah *Lyceum* di seluruh Perancis.
-Pada tahun 1820, peruntukan sebanyak 300,000 Franks disediakan untuk digunakan dalam pengurusan sekolah.
-Pada tahun 1847, peruntukan sebanyak 1,500,000 Franks diagihkan kepada 54 buah *Lyceum* di Perancis
-Bantuan daripada pihak kerajaan menyebabkan lahir sistem pendidikan yang teratur dan mantap di Perancis.

5 Kurikulum

-Kurikulum sekolah rendah terdiri daripada aktiviti membaca, menulis dan mengira.
-Mata Pelajaran seperti Sains, Sejarah, Geografi, Muzik, Lukisan Linear dan Matematik turut diajar.
-Kurikulum sekolah menengah merangkumi mata pelajaran Bahasa seperti bahasa Kuno, Retorik, Logik, Etika, Matematik, Lukisan dan Sains.
-Pendidikan menengah turut menekankan pembelajaran Bahasa Latin, Bahasa Perancis, Sejarah, Geografi dan Matematik.
-Kurikulum peringkat universiti terdiri daripada Pengajian Sastera, Sains, Perubatan, Undang-undang dan Teologi.

C.KESIMPULAN

Perancis merupakan antara negara Eropah mempelopori sistem pendidikan kebangsaan.
Pendidikan di negara Perancis berada di bawah penguasaan dan kawalan kerajaan sepenuhnya.
Perkembangan ini meletakkan asas bagi pemodenan dalam sistem Pendidikan di Perancis dan Eropah.

5. **Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan tercetus peristiwa Dahagi di India pada tahun 1857.** (20 markah)

A.PENGENALAN :

1. Pada tahun 1857 satu pemberontakan terbesar menentang pemerintahan British telah berlaku di India. Pemberontakan ini dikenali sebagai Dahagi India dan merupakan pemberontakan tentera atau sepoi menentang pemerintahan di India.
2. Pemberontakan ini merupakan permulaan tindak balas masyarakat India membebaskan negara daripada cengkaman pentadbiran British.
3. Pemberontakan ini melibatkan golongan sepoi, nawab dan pembesar yang terkesan akibat penindasan yag dilakukan oleh British.
4. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tersetus peristiwa Dahagi di India pada tahun 1857.

B.ISI

a)**Pembaharuan Sosial**

1.**Penghapuskan Amalan Thugge dan Sutte yang Dianggap Kejam :**

- Masyarakat India yg beragama Hindu marah dengan tindakan Gabenor Jeneral British di India [Lord William Bentick] telah menghapuskan amalan thugge dan sutte. Tradisi Sutte merujuk kepada amalan balu akan dibakar bersama-sama mayat suami ketika upacara pengebumian. Amalan Thuggee ialah amalan merompak dan membunuh pengembara oleh kumpulan agama atas nama Dewi Kali.

2.Amalan Membunuh Bayi Perempuan :

- Masyarakat India juga tidak berpuas hati dengan penghapusan amalan membunuh bayi perempuan yg dianggap akan memalu dan menyusahkan keluarga kerana terpaksa menyediakan dowri perkahwinan anak perempuan mereka.

3.Penggubalan Akta Kahwin Semula oleh Lord Dalhousie :

- Undang-undang ini dianggap bertentangan dengan tradisi masyarakat Hindu yg menetapkan isteri ‘mesti mati’ bersama-sama suami.

4.Diskriminasi Kaum :

- Orang British memandang rendah masyarakat India. Sebagai contoh, masyarakat India hanya boleh menaiki kereta api kelas ketiga[kelas pertama dan kedua dikhaskan untuk pegawai Inggeris. Masyarakat India yang berkasta tinggi berasa marah kerana menganggap situasi tersebut mengancam sistem kasta yg mereka amalkan secara turun-temurun.

5. Isu Penggunaan Senapang Rifle Enfield

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar